


KAWAL ANAK MERAGAM DI HARI RAYA

TINGKAH LAKU DAN KELAKUAN ANAK-ANAK AMAT SUKAR DIJANGKA. SEMAKIN MELEKA MENINGKAT USIA SEMAKIN BANYAK RAGAM YANG TERPAKSA DIHADAPI KAUM IBU MAHUPUN BAPA. LEBIH MEMBINGUNGKAN APABILA SI KECIL MENJUIK PERASAAN DI HADAPAN ORANG RAMAI KETIKA ANDA SEKELUARGA PULANG BERAYA DI KAMPUNG.

NURJANI, SUZIANA ABU DAUD

KEHADIRAN anak bersama ibu bapa sememangnya sukar dikawal. Ada yang berlari keluar masuk rumah, masuk ke bawah meja menangis, menumpahkan minuman di permadani, memecahkan balang kuih dan bermacam lagi kerenah kanak-kanak. Waktu inilah ibu bapa harus tegas dengan anak-anak yang dalam masa sama mengasuh mereka dengan perlakuan yang baik. Biasanya anak kecil akan mudah bosan jika berada di sesuatu tempat dalam tempoh yang terlalu lama.



Children - general pg - 159 / CTRNO :

Dalam hal ini, ibu bapa berperanan penting untuk mendidik anak tentang adab ketika berziarah. Usah lelah menyampaikan pesan kepada anak-anak tentang perkara yang sepatutnya dilakukan dan sebaliknya.

► HORMAT TUAN RUMAH

Sebaik tiba di rumah yang dikunjungi, elakkan daripada terus duduk di meja hidangan. Ajak anak-anak untuk mencari tuan rumah terlebih dahulu dan bersalaman dengan tetamu lain yang ada di rumah berkenaan. Pastikan anda turut mengajari mereka cara duduk yang sopan dan terbah.

► JAGA ADAB

Adalah penting buat ibu bapa untuk menunjukkan contoh yang baik kepada anak-anak. Elakkan anak anda berebut makanan dan berebut mengikut giliran, ketika mengambil makanan pula pastikan setiap hidangan yang mereka nikmati tidak kehabisan dan elakkan pembaziran. Pada

waktu ini juga ibu bapa boleh mengambil pendekatan dengan menyiapkan anak-anak untuk mengelak ia tertumpah dan mengotori rumah. Selain itu, hindarkan memberi kebebasan kepada mereka untuk mengambil makanan sendiri kerana khudat peralatan yang digunakan pesah.

► TIDAK MEMINTA-MINTA

Dalam keghairahan mengumpul duit raya, anak-anak wajar diajar tentang sikap sederhana dan tidak meminta-minta. Terangkan kepada mereka tujuan sebenar berziarah pada hari raya. Usah terapkan sentimen duit raya di dalam minda anak-anak sejak kecil.

► HADAPI SITUASI ANAK NAKAL

Sediakan segala kelengkapan anak seperti lampin, permainan, buku, biskut dan air.

Dengan adanya barangan ini mungkin dapat membantu si kecil kembali tenteram dan selesa.

Jika anak mengamuk di rumah orang, terus ambil anak dan bawa ke satu tempat. Cuba tenteramkan mereka dan jika tidak mahu dipujuk, biarkan mereka sebentar. Elakkan memukul atau memarahi kanak-kanak sekiranya mereka lakukan kesalahan. Cara begini akan membunikan lagi keadaan dan meningkatkan potensi anak-anak untuk memburai. Hadkan kunjungan dari satu rumah ke satu rumah. Ambil kira emosi anak-anak yang mudah penat, cepat lapar dan mengantuk. Jangan leka mengantau pergerakan anak. Selalu bentangkan keadaan dan apa yang mereka mahukan. Secara tidak langsung, ibu bapa dapat mengatasi risiko anak mengamuk, bergaduh dengan kanak-kanak lain dan menangi. ▲